



03 AUG, 2023

Kastam gagalkan cubaan seludup dadah bernilai RM3.2 juta

Utusan Sarawak, Malaysia



Page 1 of 2

Kastam gagalkan cubaan seludup dadah bernilai RM3.2 juta

PUTRAJAYA: Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) menggagalkan cubaan menyeludup dadah bernilai lebih RM3.2 juta yang disembunyikan dalam bungkusan dagangan di kawasan kargo Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), Sepang di sini pada 26 Julai lepas.

Dalam operasi pada kira-kira 1.10 tengah hari itu, anggota Cawangan Eksport, Bahagian Perkastaman Zon Tengah, Unit III (LTAKL) JKDM menahan sebuah lori "bonded" di bahagian belakang Pintu 9 Eksport, kargo KLIA dan menemui 67.098 kilogram (kg) dadah yang disorokkan dalam empat buah bungkusan daripada 24 bungkusan yang diperiksa.

Pengarah Operasi Penguatkuasaan Zon Tengah JKDM Wong Pun Sian dalam satu kenyataan semalam berkata dadah yang ditemukan seberat 41.8407 kg adalah disyaki jenis methamphetamine dan 25.2573 kg dadah pula disyaki jenis methylenedioxy-methamphetamine (MDMA).

"Berdasarkan jumlah berat dadah yang diperoleh, dianggarkan seramai 336,000 orang penagih dadah dapat diselamatkan," katanya.

Wong berkata siasatan awal mendapati parcel berkenaan akan dihantar ke alamat penerima di Sabah.

"Maklumat pengirim disyaki dipalsukan bagi mengelirukan dan mengelakkan daripada dikesan pihak berkuasa," katanya siasatan lanjut sedang dijalankan untuk mengesan suspek yang terlibat. - Bernama



03 AUG, 2023

Kastam gagalkan cubaan seludup dadah hcrnilai RM3.2 juta

Utusan Sarawak, Malaysia



SUMMARIES

PUTRAJAYA: Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) menggagalkan cubaan menyeludup dadah bernilai lebih RM3.2 juta yang disembunyikan dalam bungkusan dagangan di kawasan kargo Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), Sepang di sini pada 26 Julai lepas. Dalam operasi pada kira-kira 1.10 tengah hari itu, anggota Cawangan Eksport, Bahagian Perkastaman Zon Tengah, Unit III (LTAKL) JKDM menahan sebuah lori "bonded" di bahagian belakang Pintu 9 Eksport, kargo KLIA dan menemui 67.